



012-Makanan Haram bagi Agama Yahudi: Satu Penilaian Ringkas dari Perspektif Islam

***Ummi Zainab Binti Mohd Ghazali**

Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

Muhammad Azizan Sabjan

Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

*E-mel: ummighazali@gmail.com

ABSTRAK

Setiap agama memiliki tatacara dan peraturan tersendiri dalam hal pengambilan makanan. Bagi agama Yahudi dan Islam, terdapat peraturan khusus dalam dua agama ini untuk menjaga pengikutnya daripada terjebak dalam pemakanan yang haram atau tidak dibenarkan dari kerangka agama masing-masing. Walaupun masyarakat Malaysia pada umumnya telah maklum mengenai makanan haram umat Islam, kebanyakannya masih samar-samar dan kurang pendedahan mengenai makanan apakah yang tidak dibenarkan bagi agama Yahudi. Artikel ini akan cuba mengkaji senarai makanan haram bagi agama Yahudi beserta penilaian ringkas pengharaman ini dari perspektif Islam. Disebabkan sumber pengharaman adalah dari kitab Torah dan Talmud, kajian akan mengfokuskan kepada dakwaan yang terdapat dalam dua kitab ini beserta kritikan terhadap kedua-dua kitab ini dari sudut perspektif Islam dan sumber sejarah. Kajian mendapati terdapat perbezaan yang ketara antara dakwaan yang terdapat dalam kitab Torah dan penjelasannya dalam al-Quran. Pengetahuan ringkas mengenai makanan haram bagi agama Yahudi ini beserta perspektif sudut pandang Islam penting bagi mengukuhkan kefahaman agama sendiri di samping memahami dan menghormati kepercayaan agama lain.

Kata Kunci: Haram, Pemakanan, Islam, Yahudi, Kitab

PENGENALAN

Setiap agama memiliki peraturan dan undang-undang tersendiri sebagai tatacara dan rujukan bagi penganutnya menjalani kehidupan seharian di dunia ini. Tiada agama yang bebas membenarkan pengikutnya berbuat sesuka hati tanpa sebarang piawaian dan kawalan perilaku berdasarkan aturan agama. Peraturan dan undang-undang agama ini membezakan suatu agama dengan agama yang lain, serta mampu memberikan identiti kepada sesuatu individu pengikut agama itu berdasarkan hukum dan regulasi agama yang dilaksanakannya.

Peraturan dan tatacara agama ini merangkumi pelbagai aspek kehidupan harian termasuklah dalam hal perhubungan sesama insan, tatacara jual-beli, urusan ibadah, penjagaan kebersihan dan cara penyucian, termasuklah juga perihal pengambilan makanan. Kesemua



peraturan dan undang-undang agama ini berbeza di antara satu agama dengan agama yang lain. Kadangkala perbezaannya ketara, namun ada kalanya perbezaan yang dizahirkan adalah sangat sedikit dan tidak jauh berbeza, dan ada juga situasi di mana terdapat persamaan antara hukum satu agama dengan agama yang lain.

Pemakanan merupakan antara subjek terpenting bagi setiap agama yang wujud di muka bumi ini. Setiap agama memerlukan penganutnya supaya patuh dan akur pada undang-undang pemakanan masing-masing bagi mengelakkan mereka terjerumus dalam perbuatan yang mengundang kesalahan dalam beragama. Hal ini terbukti kerana jika diteliti, setiap agama di dunia memiliki aturan dan undang-undang pemakanan tersendiri sebagai garis dasar dan rujukan kepada pengikutnya agar peka dan berwaspada dalam urusan pemilihan makanan bagi menjamin kepatuhan dalam beragama (Doniger, 1999; Keene, 1993).

Agama Yahudi misalnya, mempunyai peraturan pemakanan mereka tersendiri yang dikenali sebagai *Kashrut*. *Kashrut* merupakan satu set undang-undang pemakanan Yahudi yang terkandung di dalam payung besar undang-undang tingkah laku dan tatacara hidup orang Yahudi yang dikenali sebagai *Halacha*. *Kashrut* memperincikan senarai bahan makanan yang boleh dan dilarang ambil oleh kaum Yahudi, termasuklah tatacara penyediaan makanan serta pembersihan bekas makanan yang telah tercemar. Segala bahan makanan yang boleh diambil oleh orang Yahudi berdasarkan undang-undang *Kashrut* adalah dikenali sebagai *Kosher* (Ellwood, 2008; Regenstein et al., 2003).

Bagi agama Islam, *syariah* merupakan undang-undang utama Islam yang menetapkan peraturan gaya hidup Muslim. Bagi undang-undang pemakanan pula, ia dikenali sebagai *Halal* iaitu penjelasan kepada bahan makanan yang boleh dan tidak boleh diambil dalam Islam. Peraturan pemakanan *Halal* juga memperincikan senarai bahan makanan yang dilarang diambil dalam Islam, dikenali dengan istilah *Haram*. Islam juga telah memperkenalkan konsep *Halal Toyyiba*, iaitu satu konsep pemakanan menyeluruh merangkumi satu set peraturan lengkap dari aspek kebersihan dan kesucian makanan bermula dari permulaan rantai penghasilan sehinggalah kepada hasil akhir produk (Rasyid, 2018; Riaz & Chaudry, 2003)

MAKANAN HARAM AGAMA YAHUDI: ASAL USUL, TUJUAN, DAN JENIS MAKANAN

Asal Usul

Peraturan pemakanan bagi agama Yahudi dikenali sebagai *Kashrut* atau *Kashrus*. Makanan yang boleh dimakan bagi penganut Yahudi di bawah undang-undang *Kashrut* ini dikenali sebagai *Kosher*. *Kosher* dari segi bahasa bermaksud “layak atau sesuai” dimakan bagi pengikut agama Yahudi (Hussaini, 1993). Undang-undang ini berasal dari kitab suci Yahudi iaitu *Pentateuch* atau *Torah* (*Taurat* bagi orang Islam) yang terdiri daripada lima bahagian atau buku iaitu dari segi susunan kemunculan ialah *Genesis* (*Kejadian*), *Exodus* (*Keluaran*), *Leviticus* (*Imamat*), *Numbers* (*Bilangan*) dan *Deutronomy* (*Ulangan*) (Muhamad, 2011). Orang Yahudi percaya *Torah* diturunkan kepada *Moses* (*Musa* bagi orang Islam) di gunung Sinai.



Kerangka utama hukum Kashrut adalah kebanyakannya berdasarkan riwayat-riwayat yang terkandung di dalam Leviticus (Imamat), iaitu suatu bab/buku ketiga menurut urutan di dalam Torah yang menerangkan perihal kehidupan suci orang Israel serta tatacara pengorbanan mereka. Namun kerangka Kashrut ini juga boleh didapati di dalam bab/buku yang lain seperti Genesis (Kejadian) dan Deutronomy (Ulangan) serta Exodus (Keluaran). Malahan asas Kashrut adalah berasal daripada ayat berikut dari bahagian Ulangan 14:3

“Jangan makan apa-apa yang dinyatakan haram oleh Tuhan”

(Ulangan 14:3)

Selain Torah, sumber hukum Kashrut bagi orang Yahudi adalah kitab *Talmud*. Talmud merupakan kitab suci kedua bagi agama Yahudi, menghimpunkan rekod perbahasan *Rabbi-Rabbi* ataupun ulamak-ulamak Yahudi silam sekitar kurun kedua sehingga kelima Masihi berkenaan tafsiran kitab Torah. Kebanyakan isi kandungan kitab Torah tidak menjelaskan secara mendalam mengenai sesuatu hukum; tafsiran dan penjelasan lanjut kepada hukum-hukum di dalam Torah ini dilaksanakan oleh Rabbi-Rabbi Yahudi dan diturunkan secara turun-temurun sehinggalah dicatatkan di dalam kitab yang dinamakan Talmud (Vidas, 2014).

Sebagai contoh, kitab Torah bahagian Ulangan menyatakan perlunya proses penyembelihan seperti berikut:

“Jika tempat yang akan dipilih Tuhanmu untuk menegakkan nama-Nya itu terlalu jauh dari tempatmu, maka engkau boleh menyembelih haiwan dari kawanan lembu dan kawanan domba yang dikurniakan Tuhan kepadamu, seperti kuperintahkan kepadamu, dan memakannya di kota-kotamu sesuka hatimu”

(Ulangan 12:21)

Namun, tiada perincian bagaimana proses penyembelihan ini perlu dilaksanakan. Teknik dan cara penyembelihan ini hanya dapat didapati melalui Talmud (Vidas, 2014).

Tujuan

Dari dua sumber utama Torah serta Talmud inilah wujudnya sistem peraturan pemakanan Kashrut, yang membawa kepada senarai makanan yang boleh dimakan orang Yahudi iaitu *Kosher*. Tujuan utama peraturan pemakanan Kosher untuk agama Yahudi ialah untuk mengikat diri mereka dengan perintah ketuhanan. Bagi orang Yahudi, tiada istilah kebebasan mutlak di dunia ini. Hawa nafsu, nafsu pemakanan, serta nafsu pemilikan (harta atau kedudukan) sekiranya tidak dikawal, akan merosakkan diri sendiri. Atas dasar inilah perlunya satu peraturan atau perjanjian di antara orang Yahudi dengan Tuhan mereka, di mana Tuhan akan menetapkan set undang-undang yang perlu dipenuhi; dan sekiranya ia dipatuhi, sebagai balasannya mereka akan mendapat kehidupan yang makmur dan diberkati (Muhamad, 2011).

Kosher merupakan antara pegangan utama kepercayaan Yahudi yang diamalkan sejak ribuan tahun. Orang Yahudi percaya *Kosher* dikuatkuasakan kepada mereka oleh Tuhan tanpa perlunya sebarang penerangan atau justifikasi atas sebab pengharaman makanan-makanan



tersebut. Hanya dalam masa moden ini terdapat segelintir orang Yahudi yang mula menjustifikasikan senarai makanan ini sebagai makanan bermasalah kesihatan; iaitu ada antara mereka yang mula mengaitkan punca pengharaman ini sebagai menjaga status kesihatan. Namun arus perdana agama Yahudi masih berpegang kepada konsep Kosher adalah peraturan Tuhan yang perlu dipatuhi tanpa soal, ia bukan peraturan kesihatan (Kaplan, 2010).

Jenis Makanan Haram

Peraturan pemakanan Kosher melibatkan tiga isu teras iaitu haiwan yang diharamkan, pengharaman darah dan pengharaman campuran daging dan susu (Regenstein, 2003). Bagi isu teras pertama iaitu haiwan yang diharamkan dalam agama Yahudi, ia dapat dibahagikan kepada empat kategori, iaitu pertama kategori haiwan berkaki empat, kedua kategori burung, ketiga kategori haiwan laut dan keempat kategori serangga. Setiap kategori ini memiliki spesies dan haiwan tersendiri yang diharamkan sementara yang lainnya boleh dimakan.

Kategori pertama adalah haiwan berkaki empat yang tidak memiliki kedua-dua sifat berkuku belah (*cloven hoof*) dan memamah makanan (*ruminant*). Kedua-dua sifat ini adalah perlu bagi membolehkan haiwan tersebut dikategorikan sebagai Kosher. Haiwan yang hanya mempunyai salah satu sahaja dari ciri ini (sama ada hanya berkuku belah, ataupun hanya memamah makanan) akan dianggap therif, iaitu terma yang digunakan bagi menunjukkan bahawa haiwan tersebut haram dimakan dalam agama Yahudi (Eliasi & Dwyer, 2002).

Sebagai contoh, lembu mempunyai kuku belah dan memamah makanan, maka lembu adalah kosher iaitu boleh dimakan. Unta dan arnab memamah makanan namun unta dan arnab tidak mempunyai kuku belah, maka unta dan arnab dikategorikan sebagai haiwan therif iaitu haram dimakan. Babi pula mempunyai kuku belah tetapi babi tidak memamah makanan, maka babi tergolong dalam kategori therif iaitu haiwan haram dimakan bagi pengikut Yahudi. Haiwan yang langsung tidak memiliki kedua-dua ciri berkuku belah dan memamah makanan adalah secara jelas adalah therif, seperti gajah.

Ini dinyatakan dalam kitab Torah bahagian Imamat 11:1-8 berikut:

Tuhan memberi Musa dan Harun peraturan-peraturan berikut (1) bagi umat Israel. Kamu boleh makan binatang darat apa sahaja (2) yang berkuku belah dan yang memamah biak (3). Tetapi kamu tidak boleh makan unta, landak batu, atau arnab (4). Binatang ini mesti dianggap haram kerana walaupun memamah biak, tetapi tidak berkuku belah (5). Jangan makan babi (6). Babi mesti dianggap haram kerana walaupun berkuku belah, tetapi tidak memamah biak (7). Jangan makan binatang-binatang itu, dan jangan sentuh bangkainya; binatang-binatang itu haram (8).

(Imamat 11:1-8)

Juga dinyatakan dalam kitab Torah bahagian Ulangan 14:3-8 berikut:

Jangan makan apa-apa yang dinyatakan haram oleh Tuhan (3) Kamu boleh makan binatang ini: lembu, domba, kambing (4) rusa, domba hutan, kambing hutan, dan kijang



(5) Tiap-tiap binatang yang berkuku belah dan yang memamah biak boleh dimakan (6) Kamu tidak boleh makan binatang yang tidak berkuku belah dan yang tidak memamah biak. Jangan makan daging unta, arnab, atau landak batu. Binatang itu haram kerana walaupun memamah biak, tetapi tidak berkuku belah (7) Jangan makan babi. Binatang itu haram, kerana walaupun berkuku belah tetapi binatang itu tidak memamah biak. Jangan makan binatang seperti itu, dan jangan sentuh bangkainya (8)

(Ulangan 14:3-8)

Berdasarkan ayat-ayat Torah tersebut, haiwan kosher Yahudi termasuklah lembu, kambing, biri-biri, kijang, dan rusa kerana memenuhi syarat berkuku belah dan memamah makanan. Haiwan haram atau therif bagi agama Yahudi adalah unta, landak, arnab, dan babi kerana tidak memenuhi syarat berkuku belah dan memamah makanan. Senarai therif ini dipanjangkan kepada kesemua haiwan yang tidak memenuhi kedua-dua syarat ini termasuklah kuda, tupai, anjing, beruang, kucing, gajah, badak dan lain-lain lagi.

Walaupun haiwan seperti lembu, kambing, biri-biri, kijang dan rusa ini adalah kosher, namun bahagian lemak haiwan-haiwan tersebut adalah therif dan dilarang makan oleh agama Yahudi. Ini berdasarkan petikan dari kitab Torah Imam 7:22-24 berikut:

Tuhan memberikan peraturan berikut kepada Musa (22) bagi umat Israel. Lemak lembu, domba, ataupun kambing tidak boleh dimakan (23) Lemak daripada binatang yang mati biasa ataupun yang diterkam binatang buas, tidak boleh dimakan, tetapi boleh digunakan untuk keperluan lain (24) Orang yang makan lemak daripada binatang yang boleh dipersembahkan sebagai persembahan makanan kepada Tuhan, tidak lagi dianggap sebagai anggota umat Tuhan (25)

(Imamat 7:22-25)

Ayat di atas memaklumkan bahawa walaupun bahagian lemak haiwan-haiwan kosher tersebut adalah dilarang makan, namun ia masih dapat digunakan untuk keperluan lain seperti pakaian, dibuat kasut, beg dan lain-lain oleh pengikut agama Yahudi (Halbortal & Hartman, 2007).

Selain itu, Torah turut menyebut senarai binatang berikut sebagai haram:

Tikus mondok, tikus, cicak, biawak, dan semua jenis bengkarung mesti dianggap haram (Imamat 11:29)

Bagi kategori kedua iaitu burung, burung yang bersifat pemangsa dan tidak mempunyai pedal (*gizzard*) yang dapat dibuang sepenuhnya seperti helang, bangau, gagak, burung hantu, serta semua burung yang tidak boleh terbang seperti burung unta adalah dianggap therif dalam agama Yahudi (Muhamad, 2011). Ini adalah penetapan dari kitab Talmud berdasarkan kepada pentafsiran petikan kitab Torah bahagian Imam 11:13-19 berikut:

Burung-burung yang berikut tidak boleh kamu makan: burung rajawali, burung hantu, semua jenis burung helang, burung nasar, burung gagak, burung unta, burung camar,



burung ranggung, burung pucung, dan semua jenis burung bangau, burung undan, burung kosa, dan kelawar

(Imamat 11:13-19)

Sehingga kini, masih tidak dapat dipastikan sama ada burung unta yang dinyatakan di dalam petikan Torah ini adalah sama dengan burung unta yang kita kenali kini (Regenstein, 2003).

Spesis burung yang baru ditemui juga adalah haram dimakan oleh sebahagian golongan Yahudi. Sebagai contoh, ada sebahagian Rabbi yang mengelaskan burung turki liar (*Meleagris gallopavo*) dan spesis ayam tidak berbulu sebagai therif kerana kedua-dua spesis ini adalah baru dan tidak ditemui dalam sebarang tradisi Yahudi silam (Regenstein, 2003).

Bagi kategori ketiga iaitu haiwan laut, agama Yahudi mengharamkan segala jenis haiwan laut kecuali haiwan laut yang mempunyai sirip dan sisik. Kesemua ikan yang bersisik adalah bersirip, jadi penekanan adalah kepada bahagian sisik bagi menentukan sama ada ia haram dimakan atau sebaliknya. Sisik ini mestilah kelihatan jelas pada mata kasar manusia dan boleh dibuang dari badan ikan tanpa mengoyakkan kulitnya bagi mencapai status kosher. Jika tidak, ia dikira therif (Regenstein, 2003).

Ini berdasarkan petikan dari kitab Torah bahagian Imamat 11:9-12 berikut:

Kamu boleh makan semua jenis ikan yang mempunyai sirip dan sisik (9), tetapi apa sahaja binatang yang hidup di dalam air dan yang tidak mempunyai sirip dan sisik, tidak boleh dimakan (10), Binatang seperti itu mesti dianggap haram. Kamu tidak boleh memakannya ataupun menyentuh bangkainya (11) Kamu tidak boleh makan binatang apa sahaja yang hidup di dalam air dan yang tidak mempunyai sirip dan sisik (12)

(Imamat 11:9-12)

Ini bermakna haiwan laut seperti ketam, udang, kerang, dan sotong adalah haram dimakan bagi agama Yahudi.

Beberapa jenis ikan masih menjadi kontroversi hangat dalam agama Yahudi, contohnya ikan todak yang mempunyai sisik unik yang belum dapat dikelaskan saintis sehingga kini. Ikan todak mempunyai sisik ketika ia kecil, namun semakin ia meningkat dewasa, sisik ini akan menghilang dan digantikan dengan sisik unik yang tidak kelihatan seperti sisik. Ikan purba sturgeon juga menimbulkan perdebatan dalam kalangan Rabbi Yahudi sama ada ia haram dimakan atau sebaliknya (Halbortal & Hartman, 2007).

Kategori keempat dan terakhir ialah serangga. Dalam agama Yahudi hampir semua serangga terutama yang bersayap adalah haram dimakan, kecuali keluarga belalang. Ini kerana belalang bergerak dalam mekanisme unik dengan melompat. Ini berdasarkan petikan kitab Torah bahagian Imamat 11:20-23 seperti berikut:

Semua serangga yang bersayap adalah haram (20) kecuali serangga yang dapat melompat



(21) Kamu boleh makan belalang juta, jengkerik, dan belalang (22) Tetapi semua serangga lain yang bersayap dan juga yang merayap mesti dianggap haram (23)
(Imamat 11:20-23)

Juga berdasarkan petikan kitab Torah bahagian Imamah 11:41-43 yang berikut:

Kamu tidak boleh makan binatang kecil yang bergerak di atas tanah (41) baik binatang yang menjalar, yang berjalan dengan empat kaki, ataupun yang mempunyai banyak kaki (42) Jangan najiskan diri kamu dengan memakan salah satu binatang itu (43)
(Imamat 11:41-43)

Lebah adalah termasuk dalam kategori serangga, jadi lebah adalah tergolong dalam kategori therif atau haram dimakan bagi agama yahudi.

Dalam kitab Talmud, terdapat petikan perbincangan di antara para Rabbi silam Yahudi mengenai suatu kaedah penghasilan hukum bagi Kashrut, iaitu “*sesuatu yang terhasil atau datang dari sesuatu yang therif adalah juga therif, manakala sesuatu yang terhasil atau datang dari sesuatu yang kosher adalah juga kosher*”. Menerusi kaedah ini, susu yang berasal daripada haiwan therif seperti unta adalah juga therif, telur daripada haiwan therif seperti burung helang adalah juga therif (Vidas, 2014).

Lebah adalah serangga therif atau haram dimakan. Lebah menghisap *nektar* (manisan bunga) menerusi *proboscis* (mulut) dan manisan ini bercampur dengan *saliva* (air liur) lebah, dan hasil percampuran ini dan tindak balas seterusnya menghasilkan *honey* (madu). Para Rabbi Yahudi berpandangan madu adalah pada asasnya hanya manisan bunga yang telah ditransformasikan oleh lebah yang bertindak sebagai agen pembawa atau fasilitator, dan madu bukannya berasal dari perut lebah itu sendiri. Jadi madu bagi agama Yahudi adalah kosher walaupun dihasilkan oleh haiwan therif lebah (Berenbaum, 2010; Halbertal & Hartman, 2007).

Namun hanya madu asli yang diklasifikasikan sebagai kosher. Bagi madu yang telah bercampur dengan bahan lain terutama bahan yang therif, status madu akan bertukar. Ini berdasarkan kaedah dalam Talmud yang menyatakan “*bahan kosher yang bercampur dengan bahan therif akan menjadi therif*”. Maka daging haiwan kosher seperti lembu apabila bercampur dengan daging haiwan therif seperti unta, campuran daging tersebut akan menjadi therif (Berenbaum, 2010).

Jika manisan bunga yang dikumpul lebah menerusi mulutnya dipanggil madu, manisan resin atau damar dari pokok yang dikumpul lebah menerusi mulutnya dipanggil *propolis*. Propolis merupakan produk anti-bakteria yang popular kini dan meluas digunakan sebagai agen anti-bakteria, agen anti-fungus, serta pengawet. Propolis pada asasnya adalah manisan resin atau damar yang telah ditransformasikan oleh lebah sebagai agen pembawa dan bukannya berasal dari perut lebah itu sendiri. Jadi seperti madu, propolis juga adalah kosher bagi agama Yahudi. Namun kebiasaannya propolis akan dicampur dengan alkohol sebelum dipasarkan, status kosher ini akan berubah bergantung pada jenis alkohol yang digunakan (Berenbaum, 2010).



Lain pula halnya dengan *Royal Jelly* ataupun *Madu Ratu*. Madu Ratu, seperti namanya, adalah madu yang dihasilkan khas oleh lebah pekerja semata-mata untuk jamuan lebah permaisuri. Ia dihasilkan dari rembesan kelenjar yang terletak di kepala lebah pekerja, iaitu ia berasal dari dalam tubuh badan lebah itu sendiri. Madu Ratu adalah dihukumkan therif oleh Rabbi-Rabbi Yahudi disebabkan mekanisme penghasilannya ini. Racun sengat lebah juga dihasilkan dari dalam badan lebah, jadi racun sengat lebah juga termasuk kategori therif (Berenbaum, 2010).

Isu teras kedua dalam makanan haram Yahudi adalah melibatkan darah. Agama Yahudi mengharamkan semua jenis darah yang mengalir dalam badan haiwan, tidak kira darah itu berasal dari haiwan kosher atau haiwan therif. Ini berdasarkan petikan dari kitab Torah bahagian Imamat 11:26-27 berikut:

Di mana sahaja orang Israel tinggal, mereka sekali-kali tidak boleh makan darah burung ataupun darah binatang (26) Sesiapa yang melanggar peraturan ini tidak lagi dianggap sebagai anggota umat Tuhan (27)

(Imamat 11:26-27)

Bagi haiwan kosher iaitu haiwan yang boleh dimakan, darah mesti disingkirkan dari tubuh badan haiwan tersebut sebelum haiwan itu boleh dimakan. Ini dinyatakan dalam kitab Torah bahagian Kejadian 9:3-4 setelah *Noah* (*Nuh* dalam agama Islam) terselamat dari banjir besar yang melanda muka bumi,

Kini kamu boleh makan semuanya, serta tumbuh-tumbuhan hijau; Aku memberikan semua itu kepada kamu sebagai makanan (3) Hanya daging yang masih berdarah tidak boleh kamu makan, kerana nyawa itu terkandung di dalam darah (4)

(Kejadian 9:3-4)

Ayat di atas, setelah digabungkan dengan ayat di bawah ini,

“Jika tempat yang akan dipilih Tuhanmu untuk menegakkan nama-Nya itu terlalu jauh dari tempatmu, maka engkau boleh menyembelih haiwan dari kawanan lembu dan kawanan domba yang dikurniakan Tuhan kepadamu, seperti kuperintahkan kepadamu, dan memakannya di kota-kotamu sesuka hatimu”

(Ulangan 12:21)

Maka terhasillah hukum penyembelihan yang dilaksanakan dalam agama Yahudi bagi menyingkirkan darah daripada haiwan kosher bagi membolehkan haiwan itu dimakan kerana darah adalah therif dalam agama Yahudi. Proses penyembelihan ini hanya melibatkan haiwan kosher kategori pertama dan kedua di atas, iaitu haiwan berkaki empat berkuku belah dan memamah (ruminan) serta burung. Kategori ketiga dan keempat iaitu melibatkan hidupan laut dan serangga kosher tidak perlu melalui proses penyembelihan (Eliasi & Dwyer, 2002).

Proses penyembelihan menurut agama Yahudi perlu dilaksanakan oleh seorang penyembelih terlatih Yahudi yang digelar “*shochet*”, menggunakan pisau khas yang dipanggil



“*chalef*”. Pisau ini sangat tajam dan perlu memiliki bilah lurus sekurang-kurangnya dua kali diameter tengkuk haiwan yang hendak disembelih. Sebelum penyembelihan, “*shochet*” akan melakukan upacara bacaan doa iaitu memohon keampunan bagi nyawa haiwan yang akan diambil. Bacaan doa ini hanya dilakukan sekali di luar rumah penyembelihan dan bukannya kepada setiap haiwan korban (Aghwan & Regenstein., 2019).

Kaedah “*stunning*” tidak dibenarkan dalam agama Yahudi. Pemeriksaan rapi pisau “*chalef*” serta keadaan haiwan yang akan disembelih akan dilakukan oleh “*shochet*”. Jika kecacatan ditemui pada haiwan sama ada sebelum ataupun selepas proses penyembelihan, maka daging haiwan itu serta-merta akan dihukumkan therif (Regenstein, 2003).

Selesai proses penyembelihan, proses “*nikkur*” akan dijalankan di mana kesemua bahagian haiwan kosher yang tidak dibenarkan (therif) dimakan oleh pengikut Yahudi akan dibuang. Proses ini akan dilakukan oleh seorang Yahudi terlatih yang digelar “*menacker*”. Bahagian-bahagian yang akan dibuang termasuklah lemak seperti yang diterangkan dalam Imamat 7:22-25 tadi beserta bahagian belakang haiwan/pinggang (*hindquarter*) (Aghwan & Regenstein, 2019).

Bagi agama Yahudi, bahagian *hindquarter* ataupun belakang haiwan/pinggang adalah therif ataupun haram dimakan kerana nabi mereka *Yakub* pernah dipukul pada bahagian itu oleh jelmaan Tuhan. Ini dicatatkan dalam kitab Torah bahagian Kejadian 32:31-32 seperti berikut:

Pada waktu matahari terbit, Yakub meninggalkan Peniel. Dia pincang kerana sendi pinggulnya terkehel (31) Sampai sekarang keturunan Israel tidak makan daging yang menutupi sendi pinggul binatang, kerana Yakub kena pukul pada pinggulnya (32)
(Kejadian 32:31-32)

Namun, mengambilkira faktor tradisi seperti yang kerap ditekankan dalam Talmud, ada sebahagian Rabbi yang membenarkan bahagian belakang haiwan/pinggang seperti rusa memandangkan tradisi silam masyarakat setempat Yahudi di sesuatu kawasan yang biasa mengambil dan memakan belakang rusa (Regenstein, 2003).

Binatang yang Kosher tetapi tidak disembelih mengikut peraturan Kosher juga dikira sebagai Therif. Binatang yang diperolehi daripada hasil berburu dan tidak disembelih adalah Therif bagi penganut Yahudi. Mereka tidak dibenarkan memakan bintang yang ditembak mahupun yang dipanah kerana ia dikira sebagai bangkai (Muhamad, 2011). Binatang yang disembelih tetapi bukan kerana Tuhan Yahudi juga dianggap Therif berdasarkan ayat kitab Torah bahagian Keluaran 22:20 berikut:

Sesiapa yang mempersembahkan korban kepada tuhan-tuhan lain, kecuali kepada Aku, Tuhan, orang itu harus dihukum mati (20)
(Keluaran 22:20)

Isu teras ketiga dan terakhir dalam makanan haram Yahudi adalah pengharaman



campuran daging dan susu. Agama Yahudi secara keras melarang campuran antara daging dan susu. Ini dizahirkan melalui tiga kali peringatan kepada kaum Yahudi di dalam kitab Torah dalam dua bahagian/bab berlainan iaitu Keluaran dan Ulangan supaya menjauhi perbuatan ini.

Tiap-tiap tahun, bawalah hasil pertama yang terbaik daripada tanaman kamu, ke rumah Tuhan kamu. Jangan masak anak domba atau anak kambing di dalam air susu induknya (Keluaran 23:19)

Tiap-tiap tahun, bawalah hasil pertama dari tanah kamu ke rumah Tuhan kamu. Jangan masak anak domba atau anak kambing dalam air susu induknya (Keluaran 34:26)

Jangan makan binatang yang mati biasa. Daging binatang itu boleh dimakan oleh orang asing yang tinggal di kalangan kamu, atau dijual kepada orang asing. Tetapi kamu milik Tuhan kamu; kamu umat-Nya. Jangan rebus anak domba atau anak kambing di dalam susu induknya. (Ulangan 14:21)

Agama Yahudi melarang campuran daging dan susu serentak, namun dibolehkan memakan kedua-dua makanan dan minuman ini (daging dan susu) setelah beberapa selang masa, biasanya antara jangka masa 3-6 jam selepas selesai satu hidangan daging sebelum dibolehkan menikmati susu, bergantung kepada adat ataupun tradisi pemakanan Yahudi setempat. Selang masa ini berkurang kepada hanya satu jam sekiranya susu diminum sebelum memakan daging. Mulut perlu dibilas dan dikumur dengan air di antara kedua-dua hidangan ini (Regenstein, 2003).

Makanan Therif (haram) lain dalam agama Yahudi

Tumbuhan

Agama Yahudi percaya bahawa setiap tumbuhan berbuah mempunyai nyawa, maka tumbuh-tumbuhan berbuah ini tidak boleh dipangkas dan buahnya tidak boleh dimakan dalam jangka masa tiga tahun pertama kehidupan mereka. Hanya pada tahun keempat hasil buah pokok-pokok ini boleh dituai dan dimakan oleh penganut Yahudi. Ini menimbulkan masalah pada pokok yang berbuah di bawah usia tiga tahun seperti pokok betik. Perbincangan dan keraguan kepada tumbuh-tumbuhan seperti ini sama ada haram atau boleh dimakan sebelum tiba masanya masih berlarutan sehingga kini (Regenstein, 2003).

Arak

Arak adalah kosher atau dibolehkan dalam agama Yahudi, asalkan arak itu dibuat oleh orang Yahudi sendiri. Arak yang dihasilkan oleh orang bukan Yahudi adalah therif, dan jika arak ini bercampur dengan arak buatan Yahudi yang berstatus kosher, semuanya akan bertukar kepada therif. Sama seperti sembelihan, arak yang telah dipersembahkan dalam suatu aktiviti pemujaan tertentu selain kepada tuhan Yahudi akan menjadi therif (Muhamad, 2011).



Menurut kepercayaan agama Yahudi, hukum arak ini adalah berdasarkan kefahaman ayat kitab Torah bahagian Imamah 10:8-9 berikut:

Tuhan berfirman kepada Harun (8) “Janganlah engkau dan anak-anakmu masuk ke dalam Khemah Tuhan setelah minum wain ataupun minuman keras. Jika kamu masuk, kamu akan mati. Inilah peraturan yang mesti dipatuhi oleh semua keturunanmu” (9)

(Imamah 10:8-9)

Orang Yahudi percaya perintah pengharaman arak dalam ayat ini hanya tertakluk kepada orang di wilayah *Nazarite* yang sedang bernazar kepada Tuhan mereka. Setelah selesai nazar, golongan Nazarite ini perlu melaksanakan upacara “korban arak” bagi membebaskan diri mereka dari kekangan pengharaman arak dan mereka boleh minum arak selepas itu (Sunderland, 2000).

PENILAIAN RINGKAS DARI PERSPEKTIF ISLAM

Agama Yahudi pada asalnya sememangnya merupakan agama samawi iaitu agama wahyu yang diturunkan Allah dari langit. Agama Yahudi asal berpegang pada kitab Taurat, namun lama-kelamaan segolongan Yahudi ini menyelewengkan ayat-ayat suci di dalam Taurat disebabkan mengejar keuntungan dunia. Ini dijelaskan oleh Allah s.w.t menerusi ayat-ayat al-Quran berikut:

Sesungguhnya Kami telah menurunkan Kitab Taurat, yang mengandungi petunjuk dan cahaya yang menerangi; dengan Kitab itu nabi-nabi yang menyerah diri (kepada Allah) menetapkan hukum bagi orang-orang Yahudi, dan (dengannya juga) ulama mereka dan pendita-penditanya (menjalankan hukum Allah), sebab mereka diamanahkan memelihara dan menjalankan hukum-hukum dari Kitab Allah (Taurat) itu, dan mereka pula adalah menjadi penjaga dan pengawasnya (dari sebarang perubahan). Oleh itu janganlah kamu takut kepada manusia tetapi hendaklah kamu takut kepadaKu (dengan menjaga diri dari melakukan maksiat dan patuh akan perintahKu); dan janganlah kamu menjual (membelakangkan) ayat-ayatKu dengan harga yang sedikit (kerana mendapat rasuah, pangkat dan lain-lain keuntungan dunia); dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang kafir.

(Al-Maidah 5:44)

Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan (meminda atau mengubah) apa-apa keterangan Kitab Suci yang telah diturunkan oleh Allah, dan membeli dengannya keuntungan dunia yang sedikit faedahnya, mereka itu tidak mengisi dalam perut mereka selain dari api neraka, dan Allah tidak akan berkata-kata kepada mereka pada hari kiamat, dan Ia tidak membersihkan mereka (dari dosa), dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

(Al-Baqarah 2:174)



Kitab Taurat yang tulen telah tiada pada masa kini, yang ada hanyalah kitab Torah pegangan Yahudi kini yang telah teruk diselewengkan. Ahli sejarah berpandangan kandungan kitab Torah mula diubah apabila Raja Agung Nebuchadnezzar, pemerintah Babylon, menyerang kerajaan Judah iaitu Yahudi selatan yang berpusat di Baitulmaqdis (Jerusalem) pada tahun 586 SM. Haikal Sulaiman, iaitu rumah ibadat terkenal Yahudi yang dianggap telah dibina oleh nabi Sulaiman, telah dibakar oleh tentera Babylon. Haikal Sulaiman ini menempatkan himpunan kitab-kitab Torah yang masih tulen (Mustafa, 2000).

Hampir semua orang Yahudi dijadikan tebusan oleh Raja Nebuchadnezzar dan dibawa ke Babylon sebagai tawanan perang. Kerana kitab asal Torah telah habis dibakar, para pendita Yahudi mula menulis semula kitab Torah berdasarkan ingatan mereka kerana tiada seorangpun di antara mereka yang menghafal kitab Torah secara keseluruhan. Ditambah dengan dorongan nafsu dan kesenangan dunia, para pendita Yahudi menulis semula Torah dengan tokoh tambah keterlaluan sejarah peradaban Yahudi beserta dimasukkan sekali dongeng setempat Babylon, iaitu tempat mereka ditawan (Adang, 2010; Mustafa, 2000).

Sebagai contoh, apabila Yahudi menggambarkan keindahan taman *Eden*, iaitu syurga tempat *Adam* dan *Eve* (nabi *Adam* dan *Hawa* bagi umat Islam), mereka menggambarkan di dalam Torah bahawa kawasan itu terletak di antara sungai Tigris dan sungai Euphrates yang subur di Iraq, iaitu pusat pemerintahan Babylon tempat mereka ditawan pada ketika itu (Asimov, 1962; Mustafa, 2000). Kaum Yahudi hidup dalam buangan di Babylon dalam tempoh masa yang lama sehinggalah raja Parsi yang terkenal iaitu Cyrus the Great menakluk Babylon pada tahun 538 SM dan seterusnya membenarkan kaum Yahudi pulang ke kawasan halaman mereka di Palestin.

Perihal penyelewengan Torah ini ditegaskan berulang kali dalam al-Quran menerusi ayat-ayat berikut:

Dan di antara mereka pula ada orang-orang yang buta huruf, mereka tidak mengetahui akan isi Kitab Taurat selain dari penerangan-penerangan bohong (dari ketua-ketua mereka), dan mereka hanyalah berpegang kepada sangkaan-sangkaan sahaja.(78)

Kecelakaan besar bagi orang-orang yang menulis Kitab Taurat dengan tangan mereka (lalu mengubah Kalam Allah dengan rekaan-rekaan mereka), kemudian mereka berkata: "Ini ialah dari sisi Allah", supaya mereka dengan perbuatan itu dapat membeli keuntungan dunia yang sedikit. Maka kecelakaan besar bagi mereka disebabkan apa yang ditulis oleh tangan mereka, dan kecelakaan besar bagi mereka dari apa yang mereka usahakan itu.(79)

(Al-Baqarah 2:78-79)

Dan sesungguhnya, di antara mereka (Ahli Kitab itu) ada (ketua-ketua agamanya) yang memutar-mutar lidahnya semasa membaca Kitab Taurat (dengan mengubah maknanya), supaya kamu menyangkanya sebahagian dari Kitab Taurat padahal ia bukanlah dari Kitab itu. Dan mereka pula berkata: "(bahawa) ia adalah (datangnya) dari sisi Allah", padahal ia bukanlah dari sisi Allah; dan mereka pula tergamak berkata dusta terhadap Allah sedang mereka mengetahui (bahawa mereka adalah berdusta).

(Ali Imran 3:78)

Sebagai orang Islam, penegasan Allah berulang kali mengenai penyelewengan kitab Taurat oleh orang Yahudi ini tidak boleh dipandang ringan. Ini dikuatkan lagi oleh catatan sejarah yang membuktikan penyelewengan ini sememangnya berlaku. Memandangkan kitab asal Taurat telah tiada dan Torah sedia ada sekarang telah mengalami perubahan ketara (Sabjan, 2009) sehingga tidak dapat dikenal pasti lagi ayat mana yang tidak diubah, maka sebarang kenyataan dan hukum dari orang Yahudi berdasarkan kitab Torah mereka perlu dinilai dan dibandingkan menerusi perspektif Islam yang bersandarkan al-Quran dan hadis.

Al-Quran merupakan sumber utama hukum dan undang-undang dalam Islam. Sumber kedua adalah hadis. Ada kalangan masyarakat masa kini yang terkhalaf menyamakan Talmud Yahudi dengan hadis dan sunnah nabi Muhammad s.a.w dalam Islam. Ini adalah perbandingan yang bukan sahaja tidak tepat, malahan salah (Muhamad, 2011). Talmud tiada kena-mengena dengan nasihat dan perbuatan dari *Moses (Musa)* bagi umat Islam). Sebaliknya, Talmud hanyalah perbincangan dan rekod perbincangan Rabbi-Rabbi ataupun ulamak-ulamak Yahudi silam sekitar kurun kedua sehingga kelima Masihi berkenaan tafsiran kitab Torah (Emon et al., 2014).

Orang Yahudi percaya dan mereka mendakwa bahawa mereka adalah insan terpilih di atas muka bumi ini. Tuhan telah memilih dan mengangkat darjat mereka di antara kaum-kaum lain yang berada di dunia dan memberikan undang-undang khas kepada mereka (termasuk undang-undang pemakanan Kashrut) bagi menjaga martabat mereka dan melebihi kaum mereka berbanding kaum dan agama-agama lain (Saidurrahman, 2014). Kepercayaan ini adalah berdasarkan ayat dari kitab Torah mereka yang berikut:

Engkau umat yang suci bagi Tuhan, dan engkau telah dipilih Tuhan untuk menjadi umat kesayangan-Nya daripada segala bangsa yang ada di bumi

(Ulangan 14:2)

Orang Yahudi sememangnya pernah dimuliakan dan diberi pelbagai nikmat oleh Allah pada masa dahulu kerana ketaatan mereka. Hal ini dinyatakan dalam ayat al-Quran berikut:

Wahai Bani Israil! Kenangkanlah nikmat-nikmatKu yang Aku telah kurniakan kepada kamu, dan (ingatlah) bahawasanya Aku telah melebihi (nenek-moyang) kamu (yang taat dahulu) atas orang-orang (yang ada pada zamannya)

(Al-Baqarah 2:47)

Namun, nikmat itu telah ditarik balik oleh Allah kerana kemungkaran yang mereka lakukan. Hal ini diterangkan oleh Allah sendiri di dalam al-Quran:

Dan mereka (kaum Yahudi) berkata pula: "Hati kami tertutup (tidak dapat menerima Islam)". (Sebenarnya hati mereka tidak tertutup) bahkan Allah telah melaknatkan mereka disebabkan kekufuran mereka, oleh itu maka sedikit benar mereka yang beriman

(Al-Baqarah 2:88)



Katakanlah (wahai Muhammad kepada kaum Yahudi): “Kalau syurga negeri akhirat itu telah menjadi hak istimewa untuk kamu pada sisi hukum Allah, tidak boleh dicampuri oleh orang-orang lain (seperti yang kamu dakwakan itu), maka cita-citakanlah mati (supaya kamu dimatikan sekarang juga), jika betul kamu orang-orang yang benar”
(Al-Baqarah 2:94)

Malahan, undang-undang pemakanan Kashrut yang diamalkan oleh Yahudi sekarang bukannya bukti mereka insan pilihan Tuhan seperti yang mereka sangka, sebaliknya ia adalah satu bentuk hukuman dari Allah atas tindakan mereka yang terus-menerus melakukan kezaliman dan penderhakaan pada perintah Allah. Ini dijelaskan oleh Allah melalui ayat-ayat al-Quran berikut:

Dan kepada orang-orang Yahudi, Kami haramkan apa yang telah kami ceritakan kepadamu dahulu; dan tiadalah Kami menganiaya mereka (dengan pengharaman itu), tetapi merekalah yang menganiaya diri mereka sendiri.
(An-Nahl 16:118)

Maka disebabkan kezaliman yang amat besar dari perbuatan orang-orang Yahudi, Kami haramkan atas mereka makanan yang baik-baik yang pernah dihalalkan bagi mereka, dan disebabkan mereka banyak menghalang manusia dari jalan Allah.
(An-Nisa 4:160)

Dan Kami haramkan atas orang-orang Yahudi segala binatang yang berkuku, dan dari lembu dan kambing pula Kami haramkan kepada mereka lemaknya, kecuali (lemak) yang ada pada belakangnya atau yang menyelaputi perkakas dalam perutnya, atau yang bercampur dengan tulang. Demikianlah Kami balas mereka dengan sebab kederhakaan mereka; dan sesungguhnya Kamilah yang benar.
(Al-An’aaam 6:146)

Mengenai larangan dalam agama Yahudi mengenai belakang haiwan/pinggang (*hindquarter*) adalah therif ataupun haram dimakan kerana nabi mereka *Yakub* pernah dipukul pada bahagian itu oleh jelmaan Tuhan, berikut adalah catatan penuh dalam kitab Torah bahagian Kejadian 32:22-32 mengenai peristiwa tersebut:

Pada malam itu juga Yakub bangun lalu membawa dua orang isterinya, dua orang gundiknya dan sebelas orang anaknya, menyeberang Sungai Yabok (22) Setelah Yakub menyeberangkan mereka, dia kembali dan mengirim juga segala miliknya ke seberang (23) Tetapi dia tinggal di situ seorang diri. Kemudian datanglah seorang lelaki bergomol dengan Yakub sampai menjelang pagi (24) Apabila orang itu berasa tidak akan menang dalam pergomolan itu, dia memukul pinggul Yakub sehingga sendinya terkehel (25) Orang itu berkata, “Lepaskanlah aku; sebentar lagi matahari akan terbit.” Yakub menjawab, “Saya tidak akan melepaskan tuan, kecuali tuan memberkati saya.” (26) “Siapa namamu?” tanya orang itu. “Yakub,” jawabnya (27) Orang itu berkata, “Namamu bukan Yakub lagi. Engkau telah bergomol dengan Tuhan serta manusia, dan engkau sudah menang; kerana itu sekarang namamu Israel.” (28) Yakub berkata, “Sekarang



beritahulah saya nama tuan.” Tetapi orang itu menjawab, “Tidak perlu engkau mengetahui namaku!” Kemudian dia memberkati Yakub (29) Yakub berkata, “Aku sudah bertemu muka dengan Tuhan dan aku masih hidup.” Oleh itu dia menamakan tempat itu Peniel (30) Pada waktu matahari terbit, Yakub meninggalkan Peniel. Dia pincang kerana sendi pinggulnya terkehel (31) Sampai sekarang keturunan Israel tidak makan daging yang menutupi sendi pinggul binatang, kerana Yakub kena pukul pada pinggulnya (32)

(Kejadian 32:22-32)

Dari sudut perspektif Islam, ayat kitab Torah ini mengandungi pelbagai kesalahan akidah yang serius, yang menguatkan lagi pembuktian bahawa sememangnya Torah yang ada pada masa kini telah teruk tercemar dari ketulenan. Dalam ayat ini, diceritakan bahawa Tuhan (Allah) telah menjelma menjadi seorang lelaki dan bergelut (bergomol) dengan nabi Yakub, dan jelmaan Tuhan (Allah) ini kalah. Disebabkan nabi Yakub menang dalam pergelutan ini, maka nama beliau ditukar kepada Israel, dan ini menurut Yahudi adalah asal-usul nama Israel. Dan pinggang baginda yang terkehel semasa pergelutan ini dijadikan asbab pengharaman bahagian *hindquarter* ataupun belakang pinggang haiwan daripada dimakan orang Yahudi.

Peristiwa ini mustahil berlaku kerana Allah maha suci dari sifat menjelma menjadi makhluk-Nya, malahan mengalami kekalahan pula apabila semasa pergelutan dengan makhluk ciptaan-Nya sendiri dalam penjelmaan itu. Tidak masuk akal Allah Tuhan semesta alam yang berkuasa mutlak adalah selemah ini. Ini membuktikan bahawa kitab Torah sememangnya telah diselewengkan dan dicemari tangan-tangan kotor manusia sehinggakan bukan setakat para nabi diinjakkan maruah mereka, malahan Allah sendiri sebagai Tuhan yang Esa digambarkan sebegitu lemah dan bersifat seperti makhluk. Ini adalah mustahil bagi Allah dan menyalahi akidah yang meyakini bahawa Allah adalah bersifat Agung.

Tambahan lagi, Allah sendiri di dalam al-Quran menegaskan bahawa kaum Yahudi telah berdusta terhadap kata-kata nabi Yaakub. Ini dapat ditemui dalam ayat al-Quran berikut:

Demikianlah wasiat Nabi Yaakub, bukan sebagaimana yang kamu katakan itu wahai orang-orang Yahudi! Kamu tiada hadir ketika Nabi Yaakub hampir mati, ketika ia berkata kepada anak-anaknya: "Apakah yang kamu akan sembah sesudah aku mati?" Mereka menjawab: "Kami menyembah Tuhanmu dan Tuhan datuk nenekmu Ibrahim dan Ismail dan Ishak, iaitu Tuhan yang Maha Esa, dan kepadaNyalah sahaja kami berserah diri (dengan penuh iman)".

(Al-Baqarah 2:133)

KESIMPULAN

Agama Yahudi mempunyai peraturan pemakanan tersendiri yang didasarkan dari catatan yang terdapat dalam kitab mereka iaitu Torah dan Talmud. Undang-undang pemakanan Yahudi ini dinamakan Kashrut, haiwan dan makanan yang boleh dimakan digelar Kosher manakala haiwan dan makanan yang tidak boleh dimakan dipanggil Therif.



Peraturan pemakanan Kosher melibatkan tiga isu teras iaitu haiwan yang diharamkan, pengharaman darah dan pengharaman campuran daging dan susu. Isu teras pertama iaitu haiwan yang diharamkan dapat dibahagikan kepada empat kategori, iaitu pertama kategori haiwan berkaki empat, kedua kategori burung, ketiga kategori haiwan laut dan keempat kategori serangga. Setiap kategori ini memiliki spesies dan haiwan tersendiri yang diharamkan sementara yang lainnya boleh dimakan. Manakala darah dan campuran daging dan susu adalah diharamkan dalam agama Yahudi.

Walaupun Torah dan Talmud diyakini suci oleh penganut agama Yahudi, bukti-bukti dari al-Quran beserta dapatan sejarah menunjukkan kitab Torah telah banyak diubah dan dipesongkan, manakala kitab Talmud pula hanyalah catatan perbahasan pendita-pendita (Rabbi) Yahudi dan bukannya berasal dari nabi Musa sendiri. Larangan-larangan yang terdapat dalam kedua-dua kitab tersebut pula bukanlah petunjuk bahawa Yahudi insan terpilih, malahan ia adalah sebagai hukuman dari Allah atas kezaliman dan penderhakaan terus-menerus kaum Yahudi terhadap suruhan dan perintah Allah.

Dengan terutusnya nabi Muhammad s.a.w, maka syariat umat-umat terdahulu termasuklah kaum Yahudi adalah termansuh dan mereka wajib meninggalkan pegangan mereka walaupun telah berusia beribu tahun bagi mengikuti nabi dan satu-satunya agama yang diredhai Allah sehingga akhir zaman iaitu agama Islam.

RUJUKAN

- Adang, C. (2010). Guided to Islam by the Torah: The Risāla al-hādiya by ‘Abd al-Salām al-Muhtadī al-Muḥammadī. In *Contracts and Controversies between Muslims, Jews and Christians in the Ottoman Empire and Pre-Modern Iran* (pp. 57-72). Ergon-Verlag.
- Aghwan, Z. A., & Mac Regenstein, J. (2019). Slaughter practices of different faiths in different countries. *Journal of animal science and technology*, 61(3), 111.
- Al-Quran Al-Karim dan Terjemahan (Pent. Prof. Madya Dr. Hj. Abd Rauf Bin Tan Sri Hj. Hassan dan lain-lain). (2018). Penerbit Telaga Biru. Juga boleh diakses online <https://www.surah.my/>
- Asimov, I. (1962). *Words in Genesis*. Houghton Mifflin.
- Sabjan, M. A. (2008). *People of the Book and the People of a Dubious Book in Islamic Religious Tradition*. Flipside Digital Content Company Inc.
- Berenbaum, M. R. (Ed.). (2010). *Honey, I'm Homemade: Sweet Treats from the Beehive across the Centuries and around the World*. University of Illinois Press.
- Bible, Today's Malay Version Bible with Deuterocanon © The Bible Society of Malaysia, 1996. Juga boleh diakses online www.bible.com
- Doniger, W. (Ed.). (1999). *Merriam-Webster's encyclopedia of world religions*. Merriam-Webster.
- Eliasi, J. R., & Dwyer, J. T. (2002). Kosher and Halal: religious observances affecting dietary intakes. (The Business of Dietetics). *Journal of the American Dietetic Association*, 102(7), 911-914.
- Ellwood, R. S. (2008). *The encyclopedia of world religions*. Infobase Publishing.



- Emon, A. M., Levering, M., & Novak, D. (2014). *Natural law: a Jewish, Christian, and Islamic triologue*. Oxford University Press.
- Halbertal, M., & Hartman, D. (Eds.). (2007). *Judaism and the challenges of modern life*. A&C Black.
- Hussaini, M. M. (1993). *Islamic dietary concepts & practices*. Islamic Food & Nutrition Council of America.
- Kaplan, M. M. (2010). *Judaism as a civilization: Toward a reconstruction of American-Jewish life*. U of Nebraska Press.
- Keene, M. (1993). *Believers in One God: Judaism, Christianity, Islam*. Cambridge University Press.
- Muhamad Kasmon Nordin, *Konsep Kosher Dalam Agama Yahudi: Analisis Menurut Perspektif Pemikiran Hukum Islam*, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2011.
- Mustafa Abdullah, "Penyelewengan Kitab Taurat dan penjelasannya di dalam Al-Quran" *Jurnal Usuluddin*, No.12 (2000): 19-44.
- Rasyid, M. H. (2018). Peranan Undang-Undang Jaminan Produk Halal Dalam Menjamin Kehalalan Makanan Dan Minuman. *Journal of Islamic Law Studies*, 1(1), 4-27.
- Regenstein, J. M., Chaudry, M. M., & Regenstein, C. E. (2003). The kosher and halal food laws. *Comprehensive reviews in food science and food safety*, 2(3), 111-127.
- Riaz, M. N., & Chaudry, M. M. (2003). *Halal food production*. CRC press.
- Sabjan, M. A. (2009). *People of the Book and the People of a Dubious Book in Islamic Religious Tradition*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Saidurrahman, S. (2014). Sikap Dan Pandangan Orang-Orang Yahudi Terhadap Islam. *Jurnal Theologia*, 25(2), 207-230.
- Sunderland, L. V. (2000). Religious Freedom and Obedience to the Law: Communion, Wine, Kosher Slaughterhouses, and Peyote. *Religion & Education*, 27(2), 14-29.
- Vidas, M. (2014). *Tradition and the Formation of the emo*. Princeton University Press.